

## KONSEP NUBUWWAH MENURUT SHAH WALI ALLAH AL-DIHLAWI

*The Concept of Nubuwah From The Perspective of Shah Wali Allah al-Dihlawi*

Mohd Nazri Mat Zin<sup>i</sup> Ibrahim Hashim<sup>ii</sup> & Noraini Junoh<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan.  
aljabawi@yahoo.com

<sup>ii</sup> Dekan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim 35900, Perak. ibrahim@fsk.upsi.edu.my

<sup>iii</sup> Calon PhD, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu. jannahadnin@yahoo.com

Article Progress

Received: 20 Oktober 2018

Revised: 10 November 2018

Accepted: 18 December 2019

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p>Isu nubuwah antara perkara yang sering diseleweng oleh golongan nabi palsu yang wujud di Malaysia seperti Ayah Pin, Rasul Melayu dan lain-lain. Artikel ini menganalisa konsep nubuwah menurut Shah Wali Allah al-Dihlawi berdasarkan kitab Hujjah Allah al-Balighah. Ia dikaji dari sudut hakikat nubuwah dan Nabi, rahsia kebangkitan para Nabi dan hakikat mufahhamun. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dan analisis dokumen terhadap kitab Hujjah Allah al-Balighah serta buku-buku berkaitan nubuwah. Hasil kajian mendapati bahawa kriteria mufahhamun, iaitu golongan manusia yang dilimpahi rahmat dan ilmu Ilahi ke dalam jiwanya merupakan sifat para Nabi yang telah berjaya membangunkan peradaban tamadun manusia. Sehubungan itu, para Nabi merupakan model terbaik bagi ummah khususnya para pemimpin dalam membina sebuah negara yang unggul.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Nubuwah, kenabian, al-Dihlawi, Hujjah Allah, mufahhamun.</p>	<p>Issue of nubuwah is among matters that are often misled by the false prophets in Malaysia such as Ayah Pin, Rasul Melayu and others. This article analyzes of the concept of nubuwah from the perspective of Shah Wali Allah al-Dihlawi based on the book of Hujjah Allah al-Balighah. The decisions are studied from the truth of nubuwah and the prophet, the secret of the prophets and the truth of mufahhamun. This article uses qualitative methods through library research and document analysis on the book of Hujjah Allah al-Balighah and also books related to nubuwah. The study found that the prophet's nature of mufahhamun (learned personalities) are the characteristics of a perfect human being and appropriate to be regarded as an excellent role model in other to develop a human civilization. Therefore, this excellent role model makes an impact on development of excellent nation.</p> <p><b>Keyword(s):</b> Nubuwah, prophethood, al-Dihlawi, Hujjah Allah, mufahhamun.</p>

## PENDAHULUAN

Qutb al-Din Ahmad bin Abd al-Rahim al-Dihlawi merupakan seorang ulama India yang berwibawa pada abad ke-18 dan digelar sebagai *mujaddid alaf al-thani* (Abdul Salam, 2007). Dilahirkan pada hari Rabu, 21 Februari 1703M bersamaan 4 Syawal 1114H di Phulat, sebuah kota kecil berdekatan Delhi dan wafat pada tahun 1762M/1176H (al-Dihlawi, 1999). Beliau lahir 4 tahun sebelum kematian Aurangzeb (Sharif, 1966). Beliau dikenali sebagai "Shah Wali Allah" dan berketurunan Arab Quraisy iaitu Saidina 'Umar al-Khatab (sebelah bapanya) dan Imam Musa al-Kazim (sebelah ibunya) (al-Siyalkuti, 1999).

Al-Dihlawi melihat bahawa persoalan *nubuwah* merupakan suatu aspek yang sangat penting dan perlu dikemukakan secara mendalam supaya umat Islam tanpa ragu mengimani rukun Islam yang keempat tersebut. Sehubungan itu, hampir sebahagian karyanya diselitkan dengan perbahasan *nubuwah* walaupun setiap karyanya memfokuskan kepada bidang yang berlainan. Antara kitab-kitab tersebut, kitab *Hujjah Allah al-Balighah* adalah sebuah kitab yang menyentuh secara menyeluruh tentang hakikat kenabian. Ia diuraikan dalam satu perbahasan yang khusus, iaitu perbahasan keenam serta ia juga disentuh dalam bab-bab yang lain.

*Nubuwah* dari sudut bahasa berasal daripada kata kerja *al-naba'* atau *al-nabawah* dan boleh juga dikatakan ia berasal daripada perkataan *al-nubuwah* atau *al-nabi* (Ibn Faris, 1979; Ibn Manzur, 2003). Sekiranya perkataan diambil daripada perkataan *al-naba'*, ia bermaksud *al-ikhbar* (perkhabaran) dan jika diambil daripada perkataan *al-naba'* atau *al-nabawah* bermaksud ketinggian dan keagungan, manakala daripada perkataan *al-nabi* bermaksud "jalan" (Ibn Faris, 1979; Ibn Manzur, 2003). Menurut syarak pula, *nubuwah* ialah "satu perkhabaran atau berita khas yang dipilih untuk dimuliakan Allah SWT kepada seseorang hambaNya, lalu Allah SWT memberikan keistimewaan dengan menurunkan wahyuNya bagi merealisasikan syariat Allah SWT yang terdiri daripada suruhan, tegahan, nasihat serta tunjuk ajar, mendidik, menyampaikan berita gembira dan amaran seksaan Allah SWT" (al-Bayhaqi, 2003). Jadi, konsep *nubuwah* membincangkan perihal keimanan kepada para Nabi sama ada berkaitan dengan hukum akal seperti wajib, mustahil, harus dan yang berkaitan dengannya (al-Qudah, 1999).

Sehubungan itu, al-Dihlawi (1970) mendefinisikan *nubuwah* sebagai satu keperluan bagi setiap umat manusia di muka bumi ini dan ia bukanlah suatu perkara yang dapat dicapai melalui latihan jasmani dan rohani. Ia merupakan anugerah Allah SWT kepada hambaNya yang terpilih dan diberikan pangkat dan keistimewaan luar biasa, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah telah memilih Nabi Adam, dan Nabi Nuh, dan juga keluarga Nabi Ibrahim dan keluarga 'Imran, melebihi segala umat (yang ada pada zaman mereka masing-masing). (Ali 'Imran, 3: 33)

Mereka itulah orang-orang yang telah Kami berikan kepadanya Kitab Suci, dan Hikmah (ilmu pengetahuan), serta pangkat kenabian (al-An'am, 6: 88-89).

Dalil di atas berkaitan dengan perihal para Nabi dan segala sifatnya yang dipilih oleh Allah SWT. Ia adalah sebuah gelaran atau anugerah atau pemberian Allah SWT kepada mereka. Allah SWT juga melengkapkan segala bentuk kesempurnaan kepada diri para Nabi dan Rasul sama ada lahir atau batin. Mereka dikurniakan wahyu berupa suruhan dan tegahan, berita baik dan buruk, dan seumpamanya untuk disampaikan kepada umat manusia. (al-Razi, 1990; al-Tabari, 2001). Jadi, Nabi dan Rasul adalah pangkat yang paling tinggi yang dikurniakan oleh Allah SWT pada masa atau zaman tertentu (Jalbani, 1973). Justeru, para Nabi dan Rasul merupakan manusia pilihan Allah SWT yang dikurniakan wahyu untuk membangun tamadun dunia sekali gus menjadi perintis peradaban tersebut (al-Dihlawi, 1999).

Nabi pula bermaksud utusan (*mursal*) (al-Dihlawi, 1999). Beliau menganalogikan maksud tersebut berdasarkan utusan para raja yang diutuskan untuk menghabarkan perintah dan larangan raja kepada rakyatnya. Dalam hal ini, Nabi sebagai wakil untuk menyampaikan kehendak Tuhan kepada manusia. Allah SWT mengutuskan para Nabi dari bangsa mereka sendiri dan menurunkan kitab dengan bahasa mereka juga. Manakala syariat pula adalah mengikut kehendak dan kemampuan mereka masing-masing (al-Dihlawi, 1970).

Para Nabi dan Rasul yang diutuskan pada setiap zaman bukanlah membawa suatu pendapat, iktikad, dan adat resam yang baru sebaliknya Allah SWT mengutuskan mereka untuk menyampaikan rahmatNya. Justeru, Allah SWT mengutuskan para Nabi dengan sesuatu yang bersesuaian dengan kemampuan sesuatu kaum itu. Para Nabi diutuskan dengan pengetahuan yang tinggi dan mempunyai kebolehan semula jadi untuk disesuaikan dengan kehendak akhlak dan kesopanan manusia (Nik Muhammad Salleh, t.t.).

Dalam konteks *nubuwah*, al-Dihlawi menekankan bahawa semua Nabi dan Rasul membawakan dasar agama yang satu iaitu mentauhidkan Allah SWT. Perbezaan dapat dilihat dari sudut syariat dan cara beragama (al-Dihlawi, 1999). Apabila syariat berbeza, maka ilmu dan tugas serta risalah mereka juga berbeza antara satu sama lain. Perbezaan syariat tersebut berdasarkan kepada kemaslahatan umat pada setiap zaman. Syariat Nabi Nuh AS menetapkan bahawa umatnya diperintahkan untuk berpuasa sepanjang masa kerana perwatakan fizikal kaumnya yang kuat dan kasar. Manakala perwatakan umat Nabi SAW adalah lemah maka disyariatkan untuk berpuasa sebulan sahaja (al-Dihlawi, 1999). Hukuman rejam dikenakan bagi umat Nabi Musa AS yang berzina tetapi hukuman rejam bagi umat Nabi SAW untuk penzina yang telah berkahwin dan hukuman sebat bagi penzina yang belum berkahwin (al-Dihlawi, 1999).

Daripada semua Nabi-nabi tersebut, Nabi Muhammad SAW adalah penyempurna kepada risalah kenabian dalam membangunkan tamadun manusia. Baginda SAW diutuskan untuk seluruh umat manusia di muka bumi berbanding

Nabi lain yang diutuskan untuk satu-satu umat sahaja. Para Nabi sebelum Nabi SAW diutuskan membawakan syariat Nabi terdahulu (al-Dihlawi, 1999) sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan sesungguhnya di antara orang-orang yang menegakkan (ajaran yang dibawa oleh) Nabi Nuh ialah Nabi Ibrahim. (al-Saffat, 37: 83)

Mereka tidak mengurangi dan hanya menambah serta melakukan sedikit perubahan terhadap ajaran agama sebelum mereka. Syariat Nabi Ibrahim AS menambah beberapa bentuk ibadat dalam agama Nabi Nuh AS seperti bersunat. Nabi Musa AS pula menambah beberapa perkara ibadat dalam agama Nabi Ibrahim AS seperti mengharamkan daging unta, memuliakan hari Sabtu, merejam penzina dan sebagainya. Kemudiannya Nabi SAW menyempurnakan segala amalan dan amal ibadat serta syariat para Nabi terdahulu dengan menambah, mengurangi dan melakukan beberapa perubahan terhadap ajaran mereka (al-Dihlawi, 1999).

Perbahasan tentang konsep *nubuwah* menurut al-Dihlawi bukan hanya berkisar tentang maksud *nubuwah* dan Nabi. Namun, beliau telah membahaskan secara mendalam dengan meneliti rahsia-rahsia di sebalik perutusan para Nabi di alam ini. Di samping itu, al-Dihlawi juga menggunakan istilah *mufahhamun* dalam menggambarkan ketinggian ilmu dan tingkatan para Nabi dalam membangunkan setiap tamadun manusia sejak zaman Nabi Adam AS hingga Nabi Muhammad SAW.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian kepustakaan digunakan sepenuhnya dalam usaha meneliti konsep *nubuwah* yang dikemukakan oleh al-Dihlawi dalam kitab *Hujjah Allah al-Balighah*. Kajian ini secara asasnya mempraktikkan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen melalui pengumpulan bahan yang bercetak yang terdiri daripada buku, artikel-artikel jurnal dan tesis yang berkaitan dengan konsep *nubuwah*. Teks utama kajian ini adalah kitab *Hujjah Allah al-Balighah*. Seterusnya metode penganalisisan data dilakukan menerusi kaedah analisis kandungan melalui pencerakinan kepada beberapa bahagian penting, iaitu rahsia kebangkitan para Nabi dan konsep *mufahhamun*.

## DAPATAN KAJIAN

Sebelum menjelaskan tentang hakikat *nubuwah* yang merujuk kepada istilah *mufahhamun*, al-Dihlawi telah memulakan perbahasan keenam (*mabhath al-siyasah al-milliyah*) dengan menjelaskan rahsia perutusan para Nabi. Hal ini kerana setiap Nabi mempunyai tugas-tugas dan ilmu-ilmu tertentu sesuai dengan keadaan dan zaman masing-masing.

## Rahsia Kebangkitan Para Nabi

Manusia adalah makhluk yang terdiri daripada dua sifat iaitu sifat malaikat (*malakiyyah*) dan sifat kebinatangan (*bahimiyyah*) (al-Dihlawi (1999; 1981). Mereka berkecenderungan untuk memiliki kesucian sifat malaikat dan keghairahan sifat kebinatangan berdasarkan kepada amalan dan perlakuan masing-masing. Sejarah membuktikan bahawa manusia sentiasa menyimpang daripada nilai-nilai kemanusiaan yang suci dan murni. Namun, Allah SWT tidak akan membiarkan manusia berterusan melakukan kebinasaan di atas muka bumi ini. Sehubungan itu, Allah SWT mengutuskan para Nabi dan Rasul untuk memberi peringatan dan memandu manusia mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (al-Dihlawi, 1936). Sehubungan itu, antara rahsia utama perutusan para Nabi kepada umat manusia adalah:

### *Nabi Sebagai Rahmat Allah SWT Kepada Manusia*

Allah SWT bersifat Maha Pemurah dan Maha Mengasihani kepada hamba-Nya dengan mengutuskan para Nabi dan Rasul untuk menerima wahyu dan menyampaikan kepada manusia dan jin. Al-Dihlawi (1999) menyatakan dalam kitabnya *Hujjah Allah al-Balighah*:

Kebangkitan para Nabi adalah sebagai satu kurniaan (*lutfan min Allah*) iaitu sifat kasihan belas terhadap hamba-Nya (rahmat Allah) dan mereka merupakan penunjuk jalan kebaikan (*taqriban lahum ila al-khiyr*) iaitu yang mampu mendekatkan manusia kepada Allah SWT.

Ilmu yang diwahyukan Allah kepadanya diterjemah oleh para Nabi dan Rasul secara realiti dalam kehidupan seharian benar-benar mengikut kehendak Allah SWT. Selain itu, dengan kesungguhan, doa dan kurniaan kemenangan di dalam peperangan mereka dapat memberi pengukuhan dan keyakinan terhadap para Nabi dan Rasul (hal. 84).

Dalam menganalisis konsep *nubuwah* ini, di mana al-Dihlawi (1999) menggariskan beberapa ciri penegak agama iaitu dalam bab politik keagamaan (*Siyasah Milliyyah*). Antara salah satu perbahasan yang penting dalam bab tersebut adalah keperluan manusia kepada pemimpin yang berkebolehan dalam pembangunan agama (*millah*). Dalam kebanyakan *millah* di dunia ini, maka agama Islam (*din al-Islamiy*) merupakan yang paling utama berbanding agama yang diturunkan dari langit (*samawi*) yang lain kerana ia membenarkan (*musaddiq*) agama *samawi* yang terdahulu. Dalam usaha untuk merealisasikan ciri-ciri tersebut, tidak terdapat manusia yang mampu menegakkan risalah Allah SWT kecuali para Nabi dan Rasul.

Berhubung dengan istilah *lutfan min Allah* iaitu sifat kasihan belas Allah SWT terhadap hamba-Nya dengan mengutuskan para Nabi, ia dapat dilihat dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Engkau (wahai Muhammad) - dengan sebab nikmat pemberian Tuhanmu - bukanlah seorang gila (sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik, bahkan engkau adalah seorang yang bijaksana). (al-Qalam, 68: 2)

Ayat tersebut dapat dijadikan sebagai satu hujah kepada apa yang disebutkan oleh al-Dihlawi (1999) mengenai perutusan para Rasul sebagai satu rahmat Allah SWT kepada hamba-hambaNya. Berkata Imam al-Baghawi (1987) di dalam tafsirnya mengenai maksud "nikmat" yang disebut dalam ayat di atas adalah sebagai "*nubuwah*" seterusnya tidak mungkin kamu gila sedangkan kamu diberi nikmat sebagai seorang Nabi yang bijaksana. Seterusnya Imam al-Razi (1990) menyebut di dalam tafsirnya pula mengenai maksud ayat tersebut bahawa Allah SWT menolak tuduhan terhadap Nabi sebagai seorang gila. Penolakan tuduhan itu dengan menyatakan bahawa pemberian nikmat Allah SWT itu dikurniakan dengan penuh kasihan belas dan penuh takzim. Kemudian al-Dihlawi (1999) menggunakan istilah *taqriban lahum ila al-khayr* iaitu yang mampu mendekatkan manusia kepada Allah SWT. Istilah tersebut sebagai peranan para Nabi terhadap umat manusia sesuai dengan sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Semua umatku akan masuk ke dalam syurga kecuali mereka yang enggan. Mereka bertanya: Siapakah yang enggan wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab: Sesiapa yang mentaati aku maka akan masuk ke dalam syurga, dan sesiapa yang menderhakai aku maka ia adalah orang yang enggan. (al-Bukhari, 2002: *Bab Qawl al-Nabiyy SAW: "Bu'ithtu bi Jawami' al-Kalam"*, 7280)

Hadis tersebut menyokong istilah al-Dihlawi sebagaimana maksud yang diberikan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani (1379H) bahawa secara umumnya semua umat Nabi akan dimasukkan ke dalam syurga melainkan orang-orang yang enggan memasukinya. Rentetan itulah, sahabat bertanya Nabi dengan gaya sindiran (siapakah orang-orang yang enggan itu). Hakikatnya, Nabi SAW ingin menjelaskan tentang sikap segelintir umatnya yang tidak mengikuti sunnah Nabi SAW dan dengan sebab derhaka kepadaNya. Tujuan al-Dihlawi (1999) mengutarakan istilah tersebut bagi menyatakan sifat keprihatinan Nabi terhadap umatnya adalah begitu tinggi dalam menyelamatkan manusia daripada azab neraka.

### ***Nabi Sebagai Penyelamat dan Suri Teladan***

Rasional perutusan para Nabi dan perutusan mereka bukan secara kebetulan. Imam al-Dihlawi (1999) membuka bicara mengenai *siyasah milliyah* (politik untuk menegakkan agama) dengan perbincangan konsep para Nabi dan Rasul sebagai pejuang agama dengan mengemukakan dalil, sebagaimana mafhumnya:

Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) hanyalah seorang Rasul pemberi amaran (kepada orang yang ingkar), dan tiap-tiap umat

(yang telah lalu) ada Nabinya yang memimpin ke jalan yang benar.  
(al-Ra'd, 13: 7)

Berhubung dengan ayat di atas, al-Dihlawi (1999) telah membawakan sebab mengapa perlunya manusia kepada para Nabi dan Rasul sebagaimana katanya:

Engkau mesti mengetahui beberapa hal yang berkaitan dengan perbuatan-perbuatan yang menjadikan daya kebinatangan tunduk kepada daya kemalaikatan dan berbagai perbuatan buruk (dosa) yang bertentangan dengannya sekalipun akal yang waras telah membuktikan keburukannya. Akal yang demikian mampu mengesan yang manfaat dan yang memudaratkan. Tetapi ada manusia yang lalai dan jiwa mereka diselubungi oleh hijab-hijab (halangan mata hati), akibat daripada halangan itu jiwa mereka menjadi rosak seperti seorang yang ditimpa penyakit kuning (berpunca daripada penyakit bengkak hati). Orang seperti itu, tidak dapat membezakan benda-benda yang diingini seperti keuntungan dan mereka juga tidak dapat memahami keadaan yang mesti dihindari seperti kerugian (hal. 243).

Berdasarkan petikan di atas, al-Dihlawi membuat perumpamaan bahawa keadaan manusia yang tidak dipimpin oleh para Rasul adalah seperti seorang yang ditimpa penyakit kuning. Sehubungan itu, segala deria penghidap penyakit tersebut tidak lagi berfungsi kerana ia tergolong di dalam kategori penyakit kritikal. Dalam hal ini, al-Dihlawi menilai bahawa tahap pemikiran dan amalan masyarakat yang diutuskan para Nabi dan Rasul telah jauh menyimpang daripada ajaran Nabi-nabi terdahulu. Tambahan pula, tidak terdapat seorang pun yang mampu menyelamatkan manusia daripada kedangkalan pemikiran jahiliah yang bertuhankan hawa nafsu kecuali para Nabi tersebut.

Dalam hal ini, al-Dihlawi (1999; 1936) menghubungkan peranan para Nabi untuk mempertahankan kesucian *millah* atau agama yang diturunkan oleh Allah SWT melalui pentadbiran sesebuah kota atau tamadun. Sehubungan itu, dalam konteks sosiologi, beliau menjelaskan sekecil mana pun sesebuah kota atau wilayah, ia seharusnya ditadbir oleh mereka yang benar-benar layak dengan mengetahui segala hukum dan peraturan yang dapat memberikan kemaslahatan kepada golongan masyarakat tersebut. Mereka adalah golongan yang paling sempurna dan paling mengetahui dalam kalangan masyarakatnya serta memiliki jiwa yang suci dengan mencontohi para Nabi.

Hal ini dapat dilihat apabila Allah SWT menciptakan manusia pertama iaitu Nabi Adam AS untuk membangunkan tamadun manusia. Seterusnya mengutuskan para Nabi untuk menyelamatkan manusia daripada kesyirikan dan kejahilan apabila manusia meninggalkan ajaran Allah SWT (Osman Bakar, 1997). Allah SWT juga mengutuskan para Nabi seperti Nabi Dawud AS dan Sulaymán AS untuk melangsungkan sesebuah kerajaan khususnya kerajaan Bani Isra'il. Mereka diutuskan untuk membangunkan agama dengan mengajar dan menyebar ilmu yang terkandung di dalam kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT (al-

Dihlawi, *Ta'wil*, 1981). Dalam falsafah kebangkitan para Nabi, beliau berpendapat bahawa apabila kebangkitan Nabi menjadi satu keperluan kepada manusia, Allah SWT akan memutuskan keputusan tersebut di dalam *Hazirah al-Quds* supaya diwajibkan manusia mengikuti dan membenarkan ajaran para Nabi.

Jadi, para Nabi bukan sahaja menuntun manusia dalam hal-hal keagamaan tetapi mereka menyediakan segala bentuk penyelesaian dalam pelbagai bidang keduniaan seperti sosial, ekonomi dan politik. Perbahasan tentang aspek-aspek tersebut diuraikan secara terperinci dalam bahasan yang ketiga yang berkaitan dengan kemajuan peradaban (*al-irtifaqat*) dalam sesebuah masyarakat. Menurut Jamil Farooqi (2003), istilah *irtifaq* bermaksud perkembangan masyarakat secara evolusi iaitu perkembangan secara semula jadi. Sehubungan itu, al-Dihlawi menggariskan tentang pelbagai adab atau cara untuk mencapai kejayaan dunia dan akhirat. Perbahasan konsep *al-irtifaqat* ini dijelaskan lagi dalam perbahasan keenam dalam bab “penegak komponen peradaban dan pembaharuan perundangan masyarakat” mengenai misi kesepaduan peradaban. Al-Dihlawi (1999) menyatakan:

Ketahuilah bahawa Allah SWT tidak reda jika manusia mengabaikan pelbagai kemajuan di dunia ini, kerana tidak sorang Nabi pun yang mengabaikannya. Dengan demikian, prinsip ini berlawanan dengan kehendak sebahagian orang yang mlarikan diri ke gunung-gunung dan sama sekali menolak untuk bercampur dengan masyarakat, baik untuk tujuan yang baik mahupun tujuan yang buruk, sehingga mereka menjadi seperti binatang-binatang liar. Oleh kerana itu, Nabi SAW menolak orang yang ingin membujang (tidak mahu berkahwin) lalu Nabi bersabda yang bermaksud: “Aku tidak diutus untuk menganjurkan kelakuan kependetaan, tetapi Aku diutus dengan membawa agama tauhid dan toleransi (*hanifi*).” Tetapi para Nabi memerintahkan umat mereka untuk bersikap sederhana dalam pembangunan kemajuan dan tidak mempergunakan untuk tujuan bermewah-mewahan sebagaimana yang dilakukan oleh raja-raja ‘ajam seperti Parsi.

Dalam konteks peranan para Nabi, mereka bukan sahaja menunjuk jalan untuk memperoleh kebaikan di akhirat tetapi mengajak manusia memenuhi tuntutan keduniaan. Dalam hal ini, al-Mubarafuri (1967) menjelaskan bahawa terdapat segolongan manusia yang menganggap bahawa meninggalkan hal-hal dunia untuk menumpukan ibadah kepada Allah SWT adalah satu kebaikan. Tanggapan ini bertentangan dengan perutusan para Nabi untuk memastikan umat manusia menjalani kehidupan yang seimbang antara tuntutan dunia dan akhirat. Mustafa Sa'id al-Khin (t.t.) menyatakan bahawa kesederhanaan dalam ketaatan adalah penting dalam menentukan kebahagiaan seseorang.

Justeru, para Nabi tidak hanya mengajak manusia menerima pegangan dan undang-undang Ilahi tetapi juga mengeluarkan penemuan-penemuan jalan hidup yang membawa benih-benih budaya dan peradaban baru. Kebudayaan yang

mereka bawa mempunyai peraturan-peraturan tertentu, simbol dan ciri-ciri yang membezakan mereka dari semua budaya jahiliah (al-Nadawi, 1990). Sebagaimana perutusan Nabi SAW yang berjaya membawa misi kesepaduan sejagat melalui kejayaan Baginda SAW sebagai ketua dan pemimpin umat. Baginda SAW memberi kehidupan baru kepada manusia, menyebar dan meluaskan harapan yang tidak terbatas terhadap kesempurnaan serta menghaluskan bentuk dan isi untuk menjadikan sebuah peradaban yang lebih baik dan kekal abadi.

### ***Nabi Membimbing Jiwa dan Akal Manusia***

Menurut al-Dihlawi (1999), jiwa manusia mempunyai tiga tingkatan. Jiwa yang paling rendah adalah jiwa yang bersifat hawa (*al-ruh al-hawa'*) atau *nasamah*. Al-Jurjani (1988) menyebutnya sebagai *al-ruh al-hayawani*. Ia merupakan satu jisim yang halus bertempat di ruang kosong hati dan bergerak keseluruhan badan melalui saluran-saluran darah (*al-akhlat*). Roh ini berfungsi menggerakkan pancaindera dan pencernaan sesuai dengan hukum-hukum biologi. Ia dimiliki oleh manusia dan haiwan. Jiwa yang paling tinggi adalah jiwa malaikat (*al-Ruh al-Malakut*) atau Jiwa Ilahi (*al-Ruh al-Ilahi*) yang sama dengan manusia sebelum wujud di alam imaginasi. Di antara keduanya adalah jiwa rasional (*al-nafs al-natiqah*) yang merupakan bentuk spesifik manusia dan dengannya akan membezakan antara manusia dengan makhluk lain atau sesamanya. Roh ini juga disebut sebagai *al-ruh al-insani* yang merupakan suatu unsur halus yang dapat mengetahui dan memperoleh ilmu. Ia hanya dimiliki oleh manusia.

*Al-nafs al-natiqah* mempunyai hubungan yang khusus dengan *nasamah* yang mana ia menjadikan jasad sebagai perantaraan. Maka, *nasamah* menjadi perantaraan antara *al-nafs al-natiqah* dengan *al-Ruh al-Ilahi*. Bagi *nasamah* tersebut, ia memiliki satu aspek Roh Ilahi dan satu aspek roh jasadi. Aspek yang cenderung kepada alam kesucian adalah aspek kemalaikatan (*malakiyyah*) dan aspek yang cenderung kepada bumi adalah aspek kebinatangan (*bahimiyyah*) (al-Dihlawi, 1999). Dalam hal ini, tadbir Ilahi telah mempersiapkan jiwa dan akal para Nabi dengan persepakatan para malaikat di *Hazirah al-Quds* (tempat perhimpunan para malaikat) untuk menerima wahyu dariNya dan menyampaikan kepada manusia. Sudah semestinya jiwa dan akal mereka ditakluki sifat *malakiyyah* kerana ketaatan mereka terhadap perintah Allah SWT dalam membimbing umat manusia (al-Dihlawi, 1981; al-Ghazali, 1322H).

Berhubung dengan hal ini, al-Dihlawi (1999) menyatakan bahawa kebangkitan para Nabi adalah suatu keputusan kebijaksanaan Allah SWT untuk memperbaiki kehidupan umat manusia ke arah yang lebih baik dan mulia. Kenapakah Allah SWT mengutuskan para Nabi, sedangkan Allah SWT mampu menurunkan wahyu kepada semua manusia. Hal ini kerana manusia biasa tidak mampu menerima wahyuNya secara langsung (Abdul Halim, 2000). Menurut al-Dihlawi (1999) lagi, semua manusia memiliki *al-nafs al-natiqah* yang berpotensi untuk mencapai hakikat ketuhanan dan berupaya berinteraksi dengan *al-Mala' al-A'ala* (tingkatan malaikat yang paling tinggi dan hampir dengan Allah SWT)

sekiranya ia digunakan dengan cara yang betul. Namun, hanya sebahagian atau sedikit sahaja dalam kalangan manusia yang mampu mencapai hakikat tersebut.

Allah SWT mengutuskan seorang Nabi sebagai juru cakap Allah SWT yang sesuai bagi tahap pemikiran manusia yang serba lemah. Para Nabi juga dapat menyampaikan suruhan dan laranganNya kepada manusia terutama dalam membimbing mereka menjalankan ibadah dengan sempurna kepada Allah SWT. Hal ini kerana akal (teori dan praktik) para Nabi sangat luar biasa dan bijaksana kerana daya akalnya menyerupai *al-Mala' al-A'ala* dan dilimpahi rahmat Allah SWT. Akal para Nabi dapat memahami segala pemikiran dan tabiat umat manusia sehingga mereka dapat mempengaruhi jiwa dan tingkah laku manusia lain.

Dalam konteks akal manusia, al-Dihlawi (1999) membahagikan *al-nafs al-natiqah* atau jiwa rasional kepada dua kategori. Pertama, potensi intelektual (*al-quwwah al-'aqliyyah*) yang bersedia untuk memperoleh pengetahuan-pengetahuan ghaib yang memancar melalui ilham. Ia juga berfungsi untuk melatih manusia dalam menghasilkan teori-teori pembentukan peradaban (*al-irtifaqat*) bagi memastikan kemaslahatan manusia sejagat. Kedua, potensi praktikal (*al-quwwah al-'amaliyyah*) yang mana setiap perbuatan manusia itu memberi kesan kepada jiwanya (*nasamah*) sama ada baik atau buruk. Potensi ini juga membolehkan manusia mencapai keadaan dan tingkatan rohani yang luhur seperti cinta kepada Allah SWT dan bertawakal kepadaNya. Kedua-dua potensi ini tidak akan sempurna melainkan dibimbang para Nabi. Mereka diberikan potensi intelektual yang khusus oleh Allah SWT sehingga dapat menerima pengetahuan secara langsung daripada Allah SWT atau melalui para malaikat di *al-Alam al-Mithal*, iaitu perantaraan antara Tuhan dengan *al-Shakhs al-Akbar* (selain Tuhan, iaitu alam ini dan yang terkandung di dalamnya) (al-Dihlawi, 1936).

Sehubungan itu, al-Dihlawi (1999) menggariskan *manhaj* utama dakwah para Nabi adalah untuk mengkaji makhluk Allah SWT dengan berfikir tentang nikmat dan keagungan Allah SWT serta tidak mengkaji tentang zat Allah SWT. Para Nabi menyampaikan ajaran wahyu mengikut kemampuan akal manusia kerana batasan kekuatan kefahaman yang ada pada manusia lebih tinggi daripada binatang kecuali manusia itu cacat. Hal ini dapat diperhatikan dalam sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Kami disuruh menyampaikan kepada manusia mengikut tahap pemikiran mereka (Burhan Furi, 1981: 29282)

Sampaikanlah kepada mereka ( kaum kamu ) terhadap apa yang mereka memahami, adakah kamu suka mendustai Allah dan Rasul (al-Manawi, 1972: 3693)

Al-Dihlawi (1999) menyatakan bahawa penekanan para Rasul dalam penyampaian wahyu dan ajaran langit kepada manusia mengikut tahap pemikiran mereka. Tujuannya supaya ia sampai kepada manusia dan mereka dapat melaksanakan amanah Allah SWT dengan sempurna. Perkara penting yang terdapat dalam hadis di atas adalah perlunya para Nabi dan Rasul memahami keadaan pemikiran umatnya sebelum menyampaikan dakwah mereka. Para Nabi

dan Rasul juga mempunyai kesabaran yang tinggi dalam menghadapi karenah umatnya dalam konteks menyampaikan dakwah dan ajaran Allah SWT (al-Manawi, 1972).

Seterusnya para Nabi dianugerahkan ilmu pengetahuan melalui utusan para malaikat bagi menyampaikan maklumat yang berbentuk abstrak, rahsia Allah SWT dan pelbagai maklumat yang tidak terdapat pada manusia lain seperti *al-ghaibiyat* (Perkara-perkara yang hanya dapat dipercayai melalui maklumat pendengarannya sahaja seperti pengetahuan tentang Malaikat, hari akhirat dan sebagainya). Begitu juga kurniaan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan perkara-perkara rahsia Allah SWT seperti perihal nikmat atau azab kubur dan yang akan berlaku di hari akhirat. Pengetahuan tentang perkara-perkara tersebut hanya diketahui melalui perantaraan para Nabi kerana manusia biasa tidak dapat menanggapi perkara di luar jangkaan akal dan pemikiran mereka (al-Nadawi, 1990).

Tugas para Nabi bukan hanya sekadar membentuk amalan dan perlakuan manusia secara lahir, tetapi apa yang lebih penting adalah untuk menyucikan jiwa manusia daripada segala sifat keji dan mungkar. Seterusnya memandu manusia mencapai empat sifat utama iaitu rendah hati, suci, adil dan murah hati (al-Dihlawi, 1999). Allah SWT mengutuskan para Nabi yang memiliki kesempurnaan jiwa secara semula jadi untuk menjadi ikutan kepada manusia. Golongan para Nabi merupakan golongan yang paling tinggi akhlak dan tingkah laku dari sudut zahir dan batin serta mereka memiliki sifat kemalaikatan (*malakiyyah*) (al-Dihlawi, 1999). Justeru, para Nabi bertanggungjawab untuk memandu manusia ke arah memiliki sifat kemalaikatan (*malakiyyah*) dan dapat menguasai sifat kehaiwanan (*bahimiyyah*).

Dalam hal ini, para Nabi sentiasa menganjurkan kesucian jiwa manusia dan mengenal pekerjaan syaitan, mereka menggerakkan hati manusia untuk berjuang meningkatkan kesedaran moral dalam kalangan mereka. Apabila semangat yang sihat dalam kalangan manusia menjadi lemah, mereka boleh jatuh hingga ke taraf binatang buas (al-Nadawi, 1990). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah. (al-Tin, 95: 5)

Para Nabi bertanggungjawab mewujudkan perasaan kasih sayang sesama manusia, mencerna perasaan-perasaan baik dan kebajikan serta mengajak manusia menghentikan tabiat jahat dan kebinatangan. Mereka sentiasa berusaha tanpa mengira penat lelah, menggadai nyawa dan mengorbankan segala-galanya semata-mata untuk menyebarkan ajaran Allah SWT. Dalam liku-liku kehidupan para Nabi dan sahabat atau pembantu-pembantu para Nabi terdahulu (*hawariyyun*), mereka menanggung pelbagai kesusahan dan kesukaran hidup dalam kehidupan perjuangan menegakkan agama Allah SWT. Misalnya cabaran tinggi yang dihadapi Rasulullah SAW sebagai penghulu bagi sekalian Rasul yang begitu mencabar. Baginda SAW sendiri pernah dilemparkan tanah ke mukanya

(al-Bayhaqi, 1988) dan Rasulullah SAW juga pernah dipukul oleh golongan kafir Quraisy sehingga pengsan (al-Naysaburi, 1997). Meskipun diancam dengan pelbagai ancaman, Nabi Muhammad SAW masih tidak berputus asa untuk menyampaikan dakwahnya dan menyeru manusia ke arah kebaikan dan menolak kebatilan (Ibn Kathir, 1997).

Justeru, dari segi amalan dan jasa, para Nabi berjaya mengatasi para malaikat. Mereka bukan sahaja memiliki sifat malaikat bahkan kedudukan mereka melebihi para malaikat (al-Nadawi, 1990). Tidak ada manusia lain selain daripada para Nabi yang boleh memberikan sumbangan yang besar dalam memperkayakan budaya dan menghalusi peradaban. Kasih sayang, kelembutan, kesabaran, kesopanan, kemuliaan dan ketinggian kedudukan manusia adalah sumbangan berharga yang dicurahkan para Nabi kepada manusia. Kesemua itu hanya dapat dikekalkan dengan mencontohi para Nabi dan Rasul. Sekiranya tidak ada para Nabi yang berjiwa malaikat ini, manusia tentu turut musnah dengan segala khazanah ilmu, kebijaksanaan dan falsafah-falsafah mereka. Yang tinggal hanyalah manusia yang jahil tentang Penciptanya, keimanan dan akhlak (al-Nadawi, 1990). Para Nabi semestinya dapat membawa manusia menjalani kehidupan yang lebih baik di dunia dan di akhirat apabila mereka memiliki ilmu dan segala sifat kebaikan.

Sehubungan itu, al-Dihlawi (1999) menekankan perbahasan konsep *nubuwah* berkaitan dengan fitrah kejadian manusia yang mempunyai sifat kemalaikatan (*malakiyyah*) dan kebinatangan (*bahimiyyah*). Kedua-dua sifat tersebut akan saling menguasai berdasarkan amalan baik dan buruk manusia. Para Nabi dan Rasul diperlukan untuk menunjukkan jalan bagi mencapai sifat malaikat tersebut. Persoalan ini sememangnya tidak dibincangkan secara terperinci oleh ulama-ulama lain apabila membahaskan tentang konsep *nubuwah*. Apa yang disebut oleh ulama seperti Muhammad Khudri (1990) adalah menjadi syarat pelantikan para Nabi daripada keturunan yang mulia dan kesucian kelahiran mereka dengan ikatan perhubungan sah mengikut peraturan bangsa Arab (*usul al-'arabiyyah*). Keturunan mereka bukanlah daripada hubungan keturunan jahiliyah yang tidak sah (*sifah al-jahiliyyah*). Oleh itu, hati mereka bersih dan sesuai untuk menerima wahu Allah SWT dan memimpin manusia sebagaimana Nabi SAW bersabda, sebagaimana mafhumnya:

Ketahuilah di dalam tubuh badan manusia ada seketul daging, apabila ia baik, baiklah keseluruhan badan dan apabila ia rosak, rosaklah segala-galanya. Ketahuilah itu adalah hati (al-Bukhari, 2002:  
*Bab Fadl Man Istabra' li Dinihi*, 52)

Berdasarkan hadis tersebut, masalah seseorang yang rosak hati pada zahir sudah pun dikira ditimpa penyakit kuning sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Dihlawi (1999). Sama juga dengan penyakit hati secara batin yang boleh menjadi *hijab* atau benteng yang menyekat hati dan pemikiran manusia daripada mengenali kebaikan walaupun seorang itu mempunyai pemikiran yang waras.

Penyakit hati tersebut dinyatakan oleh Allah SWT di dalam firmanNya yang bermaksud:

Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; (al-Baqarah, 2: 10)

Ayat tersebut menyatakan perihal hati golongan munafik yang sentiasa dikuasai syak dan hasad dengki. Itulah antara salah satu *hijab-hijab* yang menjadi penghalang kepada sifat kemalaikatan. Hanya Nabi dan Rasul sahaja mampu menundukkan sifat kebinatangan (*bahimiyyah*) yang tersemat di dalam jiwa manusia secara semula jadi kepada mengaktifkan sifat kemalaikatan (*malakiyyah*) (al-Dihlawi, 1999), sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

(Dengan mengutuskan) seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) yang membacakan kepada kamu ayat-ayat Allah yang menerangkan kebenaran, supaya Allah mengeluarkan orang-orang (yang sedia diketahuiNya akan) beriman dan beramal soleh - dari gelap-gelita (kesesatan) kepada cahaya (hidayah petunjuk) (al-Talaq, 65: 11)

Ibn Kathir (2004) mentafsirkan dengan *menaqalkan* daripada Ibn Jarir, bahawa ayat tersebut khusus kepada Nabi Muhammad SAW, namun Nabi lain juga termasuk di dalam maksud ayat tersebut. Sehubungan itu, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999) menjelaskan perihal hawa nafsu manusia yang bersifat jahat (*ammarah*) merupakan fitnah atau bala paling besar kerana nafsu seseorang mematuhi selain daripada Penciptanya. Hati mereka seolah-olah membela binatang buas kerana terlalu cinta kepada nafsu. Seterusnya nafsu tersebut akan mencetuskan perperangan di antara sifat terlalu cinta nafsu itu dengan mentauhidkan Allah SWT dan akibatnya nafsu sentiasa menyeru syaitan sebagai tuan mereka. Maka, hati sudah ditawan oleh syaitan dan syaitan akan menjadi raja dalam jiwa manusia tersebut. Pada ketika itu, fitnah atau bala menimpa hati seseorang serta ia menjadi semakin parah. Akhirnya sebagaimana kata Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1999) apabila syaitan sudah menguasai nafsu seseorang dan itulah *hijab* (halangan) yang paling besar sebagaimana disebut oleh al-Dihlawi (1999).

Hasil daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa perhambaan kepada nafsu menjadi punca kepada kekuatan sifat *bahimiyyah* yang akhirnya akan menguasai seseorang. Oleh itu, para Nabi dan Rasul akan memberikan garis panduan wahyu bagi menyelamatkan manusia daripada fitnah atau bala tersebut.

### ***Mufahhamun dan Pewaris Kenabian***

Konsep *nubuwah* yang dikemukakan oleh para ulama dibahaskan dalam pelbagai perspektif seperti akidah, sirah dan sebagainya. Namun, al-Dihlawi mengemukakan kefahaman beliau tentang konsep tersebut berdasarkan al-Quran dan Hadis. Hakikatnya bahawa golongan Nabi dan Rasul memiliki kedudukan dan kemuliaan yang paling tinggi dalam kalangan manusia. Mereka mempunyai

jiwa dan akal yang paling suci dalam kalangan manusia dan merupakan golongan yang paling tinggi dalam kalangan *mufahhamun*.

### ***Maksud Mufahhamun dan Ciri-cirinya***

Menurut al-Dihlawi (1999), golongan *mufahhamun* merupakan golongan manusia yang dilimpahi rahmat dan ilmu Ilahi ke dalam jiwanya. Inilah tingkatan jiwa yang paling tinggi yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba pilihanNya. Mereka diberikan kefahaman dan ilmu pengetahuan yang tinggi (khususnya ilmu Ilahi) sehingga dapat menghubungkan antara alam bumi dan alam langit. Mereka juga diberikan ilham oleh Allah SWT melalui para malaikat dan memiliki sifat kemalaikatan yang tertinggi. Dengan kata lain, jiwa mereka telah ditakluki *al-Mala' al-A'ala* sehingga jiwanya bebas daripada tipu daya dunia dan sifat kebinatangan. Asal istilah yang digunakan oleh al-Dihlawi itu berdasarkan ayat al-Quran yang bermaksud:

Maka Kami beri Nabi Sulayman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmah kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); (al-Anbiya', 21: 79)

Justeru, *mufahhamun* merujuk kepada orang-orang yang tinggi sifat kemalaikatan di dalam jiwa mereka. Mereka mampu menguasai sifat kehaiwanan dalam diri mereka dan seterusnya membangkitkan semangat untuk membangunkan peraturan yang dituntut oleh Allah SWT berdasarkan seruan Langit (*Da'iyyah Haqqaniyyah*) (al-Dihlawi, 1999). Manakala ilmu Ilahi dan pelbagai keadaan *al-Mala' al-A'ala* memancar kepada mereka menyebabkan mereka memiliki tabiat yang seimbang, watak yang sempurna dan tabiat kejadian yang seimbang. Mereka juga tidak berlebih-lebihan dalam perkara-perkara sampingan dan tidaklah pemikiran yang berlebih-lebihan sehingga mereka ditarik dengan cara apa pun dari yang *kulli* (umum) kepada *juz'i* (khusus) atau daripada roh kepada bentuk. Seterusnya tidak terdapat sedikit pun sifat *ghabawah mufarratah* (kebodohan berlebih-lebihan) yang boleh dibuang dalam diri mereka (al-Dihlawi, 1999).

Golongan yang paling tinggi dalam kalangan *mufahhamun* adalah para Nabi dan Rasul. Mereka memperoleh pengetahuan secara langsung daripada Allah SWT tanpa usaha dan berupaya menerima wahyu daripadaNya. Golongan para Nabi ini diutuskan untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya dan Allah SWT mengharuskan para hambaNya untuk menerima segala risalahnya.

Nabi dan Rasul adalah satu golongan manusia pilihan yang ditentukan oleh Allah SWT dan sifatnya berbeza dengan manusia biasa. Menurut al-Dihlawi (1999), para Nabi tidak memerlukan latihan yang berat bagi mendekati Allah SWT kerana Allah SWT memimpin secara terus menerus dari aspek dalaman dan luaran mereka. Oleh sebab itu, para Nabi khususnya Nabi Muhammad SAW dibimbing oleh Allah SWT untuk menjadikan jiwa mereka sangat sensitif bagi

menyempurnakan suruhan dan menghindari larangan Allah SWT. Kekuatan keyakinan yang terdapat pada jiwa para Nabi adalah kurniaan daripada Allah SWT (Jalbani, 1973). Para Nabi hanya memerlukan latihan yang sedikit untuk menyempurnakan ibadah kepada Allah SWT serta mengajak umat manusia melakukan ibadah dengan sempurna kerana mendapat bimbingan wahyu dan ilham daripada Allah SWT. Jiwa para Nabi juga mudah menjadi tenang dengan mengingati Allah SWT.

Lantaran itu, para Nabi tidak mempunyai guru dan pendidik sebagaimana insan lain. Misalnya, dalam hal ibadah Nabi Muhammad SAW, Baginda SAW boleh mengikuti terus menerus berguru dengan Jibril AS tanpa ada bantuan lain. Baginda SAW dapat melaksanakan ibadah dengan penuh rasa tanggungjawab dan hati yang tenang. Maksud al-Dihlawi tentang para "Nabi tidak memerlukan kepada latihan yang berat" ialah bagi menyatakan kesediaan jiwa mereka yang paling tinggi kerana mereka merupakan manusia pilihan Allah SWT.

Maka, daya akalnya berhubung dengan *al-Mala' al-A'ala* dan diperkuatkan oleh *Ruh al-Quds* (*al-mu'ayyad bi Ruh al-Quds*) (golongan *mufahhamun* yang disokong oleh roh suci, iaitu Jibril AS) seterusnya dengan mudah mereka menerima wahyu serta ilmu hakiki, syariat, akhlak dan falsafah (al-Dihlawi, 1979; Jalbani, 1973). Para Nabi diutuskan dengan pengetahuan yang tinggi dan mempunyai kebolehan semula jadi untuk disesuaikan dengan kehendak akhlak dan kesopanan manusia (Nik Muhammad Salleh, t.t.). Justeru, setiap Nabi berbeza dari sudut ilmu dan kefahaman mereka. Sebenarnya tahap yang diberikan kepada para Nabi adalah sangat tinggi kerana "memahami" adalah lebih tinggi daripada "mengetahui" sebab ada sebahagian manusia hanya mempunyai pengetahuan tetapi tidak mempunyai kefahaman tentang apa yang ia mengetahui (al-Edrus, 1999; J. Adler, 1990). Maka, tahap kefahaman dan ilmu para Nabi itu berbeza mengikut keadaan, masa dan tempat sesuai dengan perutusan mereka dalam pelbagai zaman yang berbeza.

Terdapat dalam kalangan para Nabi yang jiwanya dipimpin oleh Allah SWT terutamanya dalam melaksanakan amal ibadah sehingga memperoleh tingkat kesempurnaan jiwa yang tinggi. Inilah sifat *al-kamil* (golongan *mufahhamun* yang menerima ilmu daripada Allah SWT untuk menyucikan jiwa melalui amal ibadah) yang dimiliki sesetengah Nabi (al-Dihlawi, 1999). Sifat ini menjadikan ibadah para Nabi sangat sempurna dan berada pada tahap paling baik, sebagai contoh ibadah Nabi Muhammad SAW sebagaimana diriwayatkan oleh 'Aishah RA, mafhumnya:

Sesungguhnya 'Aisyah RA bertanya: Bagaimanakah solat Rasulullah SAW dalam bulan Ramadhan? Katanya: Solatnya pada bulan Ramadhan dan bukan bulan Ramadhan tidak lebih daripada sebelas rakaat sahaja. Maka tidak perlu dipersoalkan tentang keelokan dan kepanjangannya. Kemudian Baginda SAW menunaikan solat tiga rakaat dan 'Aisyah bertanya Baginda SAW, Wahai Rasulullah SAW adakah kamu tidur sebelum menunaikan solat witir? Lalu Baginda

SAW menjawab mata aku sahaja yang tidur tetapi hatiku tidak tidur (al-Bukhari, 2002: *Bab Kana al-Nabiyy SAW Tanamu 'Aynuhu wala Yanamu Qalbuhi*, 3569)

Hadis tersebut menjelaskan tentang kesempurnaan ibadah Nabi dari aspek kekhusukan dalam ibadah solat dengan memanjangkannya. Para Nabi begitu bersungguh-sungguh dalam melaksanakan ibadah khususnya ibadah solat. Hal ini kerana para Nabi merupakan seorang yang sangat tinggi budi pekerti dilihat dari perspektif *Qudwah Hasanah* iaitu contoh teladan bagi seluruh umat.

Terdapat juga dalam kalangan para Nabi yang dikurniakan dengan ilmu dan kebijaksanaan dalam menguruskan rumah tangga dan mereka juga memiliki sifat sebagai *al-hakim*, iaitu golongan *mufahhamun* yang menerima akhlak utama dan ilmu pengurusan rumah tangga (al-Dihlawi, 1999). Para Nabi disempurnakan tabiat kejadian mereka dengan akhlak yang paling agung. Di samping memikul tugas untuk menyampaikan wahyuNya kepada manusia, mereka juga berjaya mengendalikan urusan rumah tangga dengan cemerlang. Jika dikatakan Nabi tidak mempunyai kebijaksanaan, bagaimanakah Nabi Muhammad SAW mampu mengendalikan dengan cemerlang sebuah keluarga besar yang mempunyai sebelas orang isteri (al-Sya'rawi, 2004).

Para Nabi juga dikurniakan kepintaran memerintah sesebuah kerajaan atau kota untuk menegakkan keadilan seperti Nabi Sulayman AS (kerajaan Bani Isra'il), Nabi Yusuf AS (kerajaan Mesir) dan Nabi Muhammad SAW (kota Makkah dan Madinah). Mereka diutuskan untuk menghapuskan kezaliman yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Oleh sebab itu, terdapat juga dalam kalangan Nabi yang memiliki sifat sebagai *khalifah*, iaitu golongan *mufahhamun* yang menerima ilmu politik sejagat dan diberi hidayah untuk menegakkan keadilan dalam masyarakat dan mencegah kezaliman (al-Dihlawi, 1999).

Hati para Nabi juga dilimpahi cahaya (*nur*) Ilahi seterusnya mempengaruhi segala percakapan dan perbuatan mereka (al-Dihlawi, 1999). Oleh sebab itu, kebanyakan golongan yang hampir dengan para Nabi khususnya para sahabat mereka mudah menerima segala nasihat dan ajaran yang dibawakan oleh para Nabi. Keikhlasan seruan dakwah para Nabi yang dilimpahi cahaya kebenaran memberi kesan yang mendalam terhadap masyarakat sekeliling mereka sehingga mereka sanggup berkorban apa sahaja untuk menegakkan syiar agama yang dibawa para Nabi. Mereka ini juga mempunyai sifat *hadiyan muzakkiyyan*, iaitu golongan *mufahhamun* yang memberi petunjuk yang bersih iaitu seorang yang memiliki cahaya melalui hati dan lidah yang dapat dimanfaatkan oleh sahabat dan penyokongnya melalui persahabatan dan nasihatnya dalam bentuk ketenangan hati dan cahaya (al-Dihlawi, 1999). Syeikh al-Kandahlawi (1999) telah menceritakan perihal pengorbanan para sahabat semasa peristiwa hijrah ke Madinah di mana pengorbanan dan kecintaan Sayyidina Abu Bakr RA kepada Nabi SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dalam Hadis di bawah:

'Sesungguhnya Rasulullah SAW ingin keluar pada satu malam untuk menuju ke gua (Hira'). Bersama Baginda adalah Abu Bakr, lalu mulalah berjalan satu ketika Abu Bakr berjalan di sebelah depan dan satu ketika di sebelah belakang. Seterusnya Baginda sedar (perbuatan tersebut) lalu bertanya Abu Bakr: Kenapakah engkau sekali berjalan di hadapanku dan sekali di sebelah belakangku? (Jawab Abu Bakr: Ketika aku (berada di hadapan) aku merasakan ada orang yang (hendak) menangkap (Rasulullah dari sebelah belakang) lalu aku berada di belakang dan (apabila aku berada di depan Rasulullah) aku terasa ada orang yang hendak mengintip (Baginda) lalu aku (berpindah) ke hadapan pula' (al-Asqallani, 2005: 279).

Peristiwa tersebut mengukuhkan pandangan al-Dihlawi (1999) bahawa sesiapa yang bersahabat dengan Nabi menjadi bersih jiwanya sehingga menjadi kasih kepada Nabi lebih dari segala-galanya. Ini kerana asas didikan Nabi ialah mengutamakan Allah SWT dan RasulNya lebih daripada segala-galanya seperti Sayidina Abu Bakr RA yang telah berkorban segala-segalanya terhadap Nabi SAW dan Allah SWT. Keimanan beliau adalah sangat tinggi sehingga beliau sanggup melakukan apa sahaja, umpamanya beliau sanggup menggadai nyawa dan membelanjakan harta benda sebagaimana di dalam hadis tersebut.

Selain itu, terdapat juga dalam kalangan Nabi yang mempunyai sifat sebagai *imam*, iaitu golongan *mufahhamun* yang mengetahui kaedah dan kebaikan *millah* serta bersungguh-sungguh menegakkan *millah* yang telah runtuh . Dalam konteks ini, mereka dianugerahkan ilmu untuk menegakkan dan mempertahankan kesucian *millah* atau agama Allah SWT (al-Dihlawi, 1999; 1936). Antara para Nabi yang bertanggungjawab membangunkan *millah* tersebut adalah Nabi Dawud AS dan Sulayman AS yang memerintah kerajaan Bani Isra'il. Mereka diutuskan untuk membangunkan agama dengan mengajar dan menyebar ilmu yang terkandung di dalam kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT (al-Dihlawi, *Ta'wil*, 1981). Sesetengah para Nabi juga dikurniakan ilmu tentang bala bencana yang akan diterima oleh kaumnya yang ingkar kepada suruhan dan larangan Allah SWT. Mereka bertindak memberi peringatan kepada kaumnya dan inilah sifat *mundhiran*, iaitu seorang yang diilham supaya memberitahu orang ramai bahawa perubahan besar yang ditetapkan ke atas mereka akan berlaku dan dia memahami laknat Allah SWT ke atas satu kaum serta mengetahui peristiwa di alam kubur dan mahsyar lalu menyampaikannya kepada manusia lain (al-Dihlawi, 1999).

Secara keseluruhan, kesemua sifat itu merangkumi pelbagai aspek kesempurnaan para Nabi sama ada dari sudut lahir maupun batin. Ia termasuklah aspek kejernihan dan kemurnian jiwa para Nabi yang dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang mampu menyempurnakan jiwanya serta berada pada tahap yang cemerlang. Dalam hal ini, al-Dihlawi (1999) menekankan bahawa Nabi yang memiliki ilmu dan kefahaman yang tinggi dalam kalangan para Nabi adalah Nabi Muhammad SAW. Baginda SAW memiliki kesemua ilmu para Nabi

serta memikul tugas dan risalah yang berat melebihi Nabi-nabi yang lain sekali gus menyandang jawatan Nabi dan Khalifah. Kedatangan Baginda SAW mempunyai dua matlamat iaitu mengeluarkan manusia daripada kejahanan kepada cahaya keimanan dan memperbaiki umatnya untuk menjadi contoh kepada umat-umat yang lain (Jalbani, 1973). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang *ummiyyin*, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak) (al-Jumu'ah, 62: 2)

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) (Ali 'Imran, 3: 110)

Justeru, dalam diri Nabi SAW terkumpul semua sifat golongan *mufahhamun* iaitu *al-kamil*, *al-hakim*, *khalifah*, *al-mu'ayyad bi Ruh al-Quds*, *hadiyan muzakkiyyan*, *imam*, dan *mundhiran*. Nabi-nabi lain hanya memiliki satu atau dua daripada ciri-ciri *mufahhamun* tersebut. Hal ini dikuatkan lagi dengan pandangan George Newton Jalbani (1973) yang menyatakan bahawa sesetengah Nabi itu terzahir dalam bentuk raja dan khalifah (*khalifah*), sesetengah yang lain dalam bentuk orang alim yang bijaksana (*imam*) dan sesetengahnya juga dalam bentuk pertapa (*zahid*) dan pembimbing kerohanian (*qutb al-batin*). Terdapat juga kalangan Nabi yang dizahirkan dalam bentuk ahli fikir dan ahli falsafah (*hakim*). Manakala Nabi Muhammad SAW memiliki kesemua sifat-sifat para Nabi tersebut.

### **Pewaris Nabi**

Perbahasan al-Dihlawi mengenai konsep *nubuwah* juga merangkumi ilmu-ilmu para Nabi yang diwarisi para alim ulama. Menurut Nik Muhammad Salleh (t.t.), seorang tokoh ulama yang giat menjalankan aktiviti pengajian al-Quran di Kelantan bermula pada tahun 1946 hingga 1971 (Nik Abdul Aziz, 1977), selain golongan Nabi yang mempunyai taraf *nubuwah*, golongan *mufahhamun* juga mempunyai peranan dan kefahaman yang hampir sama dengan Nabi. Golongan *mufahhamun* ini merupakan golongan yang diperlukan oleh manusia dan diutuskan oleh Allah SWT untuk memberi petunjuk kepada umat manusia. Mereka merupakan golongan yang mempunyai pengetahuan *nubuwah* sekalipun tidak dikurniakan martabat *nubuwah*. Contohnya Sayidina Abu Bakr al-Siddiq dan 'Umar al-Faruq yang boleh memberi fikiran dan pendapat kepada Nabi Muhammad SAW, malah Nabi SAW turut meminta pendapat daripada sahabat-sahabatnya yang mempunyai pengetahuan *nubuwah* ini (al-Dihlawi, 1999).

Dalam hal ini, secara zahirnya risalah kenabian telah berakhir dengan kewujudan Nabi Muhammad SAW sebagai *Khatam al-Nabiyyin*. Namun, hakikatnya ilmu dan pengetahuan para Nabi telah diwarisi oleh golongan *mufahhamun* sekali gus mereka menjadi pewaris tugas-tugas kenabian. Hal ini kerana golongan *mufahhamun* ini memiliki kefahaman yang tinggi sehingga mampu memahami al-Quran mengikut ukuran kebijaksanaan Nabi Muhammad SAW (Nik Muhammad Salleh, t.t.). Menurut Baljon (1970), golongan *mufahhamun* yang menjadi pewaris Nabi dikategorikan kepada tiga golongan iaitu para sahabat Nabi, para wali ('awliya') dan ahli hikmah (*hakim*). Ketiga-tiga golongan ini mempunyai ilmu yang hampir menyamai para Nabi dan bertindak menyambung tugas kenabian.

Walau bagaimanapun, golongan *mufahhamun* yang mempunyai pengetahuan *nubuwah* ini tidak lagi digelar Nabi kerana dikhawatir membawa kepada kekeliruan dengan martabat Nabi Muhammad SAW sebagai *Khatam al-Nabiyyin*. Justeru, mereka digelar *mujaddid* atau ahli hikmah (*hakim*) dan sebagainya (Nik Muhammad Salleh, t.t.). Dalam hal ini, fahaman yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada golongan *mufahhamun* yang memiliki pengetahuan *nubuwah* merupakan golongan yang layak mentafsir dan menta'wil ayat al-Quran sama ada *muhkamat* mahupun *mutashabihat*.

Menurut Nik Muhammad Salleh (t.t.) lagi setiap umat manusia diutuskan dengan golongan *mufahhamun* yang memiliki pengetahuan *nubuwah*. Walau bagaimanapun, darjat *nubuwah* dan darjat ilmu pengetahuan golongan yang diutuskan itu adalah tidak sama. Pada sebahagian tempat, Allah SWT mengutuskan seorang *al-kamil*, di tempat lain pula seorang *al-mundhir*, dan di tempat lain pula *hakim*.

## PERBINCANGAN

Dalam usaha membahaskan teori *nubuwah* ini, al-Dihlawi dilihat lebih cenderung kepada elemen-elemen tasawuf falsafah (*tasawwuf falsafi*) dan mengambil kerangka pemikiran falsafah Ibn 'Arabi (m. 1240 M) (terkenal dengan teori Kesatuan Wujud atau *Wahdah al-Wujud*) (Chittick, 1996) dan al-Sirhindi (memperkenalkan teori kesatuan dalam kesedaran atau *Wahdah al-Shuhud*) (Baljon, 1970). *Tasawwuf falsafi* merupakan perbincangan-perbincangan falsafah terutama sekali teori kewujudan Tuhan (ontologi), teori ilmu (epistemologi) dan teori alam (kosmologi) yang telah sama-sama diadun dan dikupas bersama dalam disiplin tasawuf sebagaimana yang dilakukan oleh tokoh-tokoh terdahulu seperti Ibn 'Arabi, Jalal al-Din Rumi (m. 1273 M), 'Abd al-Karim al-Jili (m. 1428 M) dan lain-lain lagi. Justeru, teori kewujudan Tuhan (ontologi), teori ilmu (epistemologi) dan teori alam (kosmologi) merupakan asas *nubuwah* al-Dihlawi. Di samping itu, beberapa istilah diperkenalkan oleh al-Dihlawi seperti *al-Syakhs al-Akbar*, *'Alam al-Mithal*, *al-Mala' al-A'ala*, *Hazirah al-Quds* dan *mufahhamun* melengkapkan lagi teori kenabian. Istilah-istilah ini lahir hasil pengharmonian yang dilakukan oleh al-Dihlawi terhadap teori *Wahdah al-Wujud* Ibn 'Arabi dengan teori *Wahdah al-Shuhud*.

al-Sirhindi (Halepota, t.t.; Jalbani, 1980). Istilah-istilah inilah yang menjadi dasar penjelasan tentang hubungan kenabian dengan alam ketuhanan dan alam dunia. Sehubungan itu, konsep *nubuwah* al-Dihlawi adalah suatu yang unik kerana ia mempunyai hubungan yang erat antara alam fizik dan alam metafizik.

Penjelasan al-Dihlawi tentang rahsia kebangkitan para Nabi menunjukkan hubungan yang erat dengan alam ketuhanan. Allah SWT telah menetapkan setiap para Nabi untuk menuntun kaum-kaum yang tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh Allah SWT. Para Nabi juga dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kesempurnaan jiwa serta akal untuk membimbing umat dalam membentuk tamadun yang unggul seterusnya mencapai kebaikan dunia dan akhirat.

Apabila penulis meneliti beberapa buah tafsir seperti al-Razi (1990), al-Baghdadi (1983), al-Tha'alabi (1999), al-Baydawi (1999) dan al-Suyuti (2003) berkaitan dengan istilah *mufahhamun* pula, didapati tiada maksud yang diberikan sebagaimana al-Dihlawi. Ini membuktikan bahawa al-Dihlawi adalah seorang yang mempunyai idea tersendiri dalam memahami nas al-Quran bagi mengolah sifat *nubuwah* dengan sifat *mufahhamun*. Perkara penting di sebalik perbincangan tentang sifat tersebut, al-Dihlawi bukan hanya memfokuskan tentang kurniaan sifat tersebut kepada para Nabi dan Rasul secara lahiriah sahaja tetapi beliau amat menekankan kesucian batin (hati dan pemikirannya) yang dapat berhubung dengan alam langit sehingga mereka memperoleh kurniaan “*mufahhamun*” (orang-orang yang sudah diberi faham).

Perbahasan al-Dihlawi mengenai golongan *mufahhamun* ini menjelaskan hakikat bahawa para Nabi memiliki keistimewaan dan kelebihan yang tiada tandingan sesuai dengan tugasnya sebagai utusan Allah SWT. Walaupun secara zahirnya para Nabi adalah manusia biasa tetapi hakikatnya ia sangat berbeza dengan manusia biasa, di mana mereka mempunyai kedudukan yang tinggi dari sudut pemikiran dan intelektual. Para Nabi dianugerahkan oleh Allah SWT dengan hati yang tenang, kefahaman yang mendalam, bakat intelektual yang tinggi dan peka dengan keadaan sekelilingnya (al-Nadawi, 1990). Justeru, tiada alasan lagi bagi manusia untuk menolak *nubuwah* dan kerasulan yang diutuskan oleh Allah SWT dalam membimbing manusia mencapai kesempurnaan di dunia dan di akhirat.

## PENUTUP

Konsep *nubuwah* menurut al-Dihlawi dikupas dari sudut istilah *mufahhamun*. Ia merupakan sifat yang dipunyai oleh golongan tertentu khususnya para Nabi. Sebagaimana *mufahhamun*, *nubuwah* merupakan satu keperluan bagi setiap umat manusia di muka bumi ini dan ia bukanlah suatu perkara yang dapat dicapai melalui latihan jasmani dan rohani. Ia merupakan anugerah Allah SWT kepada hambaNya yang terpilih dan diberikan pangkat dan keistimewaan luar biasa. Maka, para Nabi merupakan utusan Allah SWT diutuskan untuk menghabarkan perintah dan larangannya kepada umat manusia.

Di sebalik tugas para Nabi, perutusan mereka mempunyai rahsia dan hikmah yang sangat besar. Ia merupakan lambang sifat Maha Pemurah dan Maha Mengasihi Allah SWT kepada hamba-hambaNya. Yakni mengutuskan para Nabi dan Rasul untuk menerima wahyu dan menyampaikan kepada manusia dan jin. Seterusnya menjadikan para Nabi dan Rasul sebagai penyelamat dan suri teladan. Dengan ini, para Nabi dilengkapkan dengan ketinggian akal dan jiwa serta akhlak mulia untuk membimbing akal dan jiwa manusia yang serba lemah.

Justeru, istilah *mufahhamun* merupakan sifat para Nabi yang telah berjaya membangunkan peradaban tamadun manusia. Para Nabi merupakan model terbaik bagi ummah khususnya para pemimpin dalam membina sebuah negara yang unggul. Sifat *mufahhamun* juga diwarisi oleh umat manusia yang dipilih oleh Allah SWT sebagai pewaris para Nabi. Ia memastikan bahawa syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW khususnya kekal diamalkan oleh ummah.

## RUJUKAN

### Buku

- Adler, Mortimer J. 1990. *Intellect: Mind Over Matter*. New York: Mcmillan Publishing Company.
- Al-Baghawi, Abi Muhammad al-Husayn. 1993. *Tafsir al-Baghawi Ma'alim al-Tanzil*. Riyad: Dar Taybah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Baghdadi, 'Abdul Rahman. 1983. *Zad al-Masir*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Baydawi, Muhammad al-Hanafi. 1999. *Hasyiah Sheikh Zadah*. Beirut: Dar al-Kutub al'Ilniyyah.
- Al-Bayhaqi, Abu al-Hasan 'Ali & 'Uthman, 'Abdul Rahman Muhammad. 2003. *Syu'ab al-Iman*. Riyad: Maktabah al-Rusyd li al-Nsyar wa al-Tawzi'.
- Al-Bayhaqi, Abu al-Hasan 'Ali. 1988. *Dala'il al-Nubuwah*. Beirut: Dar al-Kutub al'Ilniyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad b. Isma'il. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Dihlawi, Ahmad b. 'Abdul Rahim Shah Wali Allah. 1999. *Hujjah Allah al-Balighah*. Tahqiq Syeikh Muhammad Syarif Sukkar. Cet. 3. Beirut: Dar Ihya' al-'Ulum.
- Al-Dihlawi. 1936. *Al-Tafhimat al-Ilahiyyah*. Jil. 1. Madinah: al-Majlis al-'Ilim.
- Al-Dihlawi. 1970. *Al-Tafhimat al-Ilahiyyah*. Hyderabad: Akadimiyyah Shah Wali Allah.
- Al-Dihlawi. 1974. *Al-Khayr al-Kathir*. Terj. G.N. Jalbani. Lahore: Sh Muhammad Ashraf.
- Al-Dihlawi. 1981. *Ta'wil al-Ahadith*. Trans. G.N. Jalbani. New Delhi: Nusrat Ali Nasri for Kitab Bhavan.
- Al-Dihlawi. 1981. *Sata'at*. Trans. G.N. Jalbani. New Delhi: Kitab Bhavan.
- Al-Edrus, Syed Muhamad Dawilah. 1999. *Epistemologi Islam Teori Ilmu Dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Al-Ghazali, Abu Hamid b. Muhammad. 1322H. *Misykat al-Anwar*. Misr: Taba'ah bi Matba'ah al-Sidq.
- Al-Ghazali, Abu Hamid b. Muhammad. 1984. *Kimiya' al-Sa'adah*. (terj.). Cet. 2. Bandung: Penerbit Mizan.
- Al-Ghazali, Muhammad. 2000. *The Socio-Political Thought of Shah Wali Allah*. Zafar Ishaq Ansari ed. Islamabad: T.p.
- Al-Jurjani, al-Syarif 'Ali b. Muhammad. 1988. *Kitab al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah.
- Al-Kandahlawi, Muhammad Yusuf. 1999. *Hayat al-Sahabah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Khin, Mustafa Sa'id. t.t. *Al-'Aqidah al-Islamiyyah*. Damsyiq: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Al-Manawi, Muhammad 'Abd al-Ra'uf. 1972. *Fayd al-Qadir*. Beirut: Dar al-Ma'rifah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Al-Nadawi. 1990. *Shakhsiyah wa Kutub*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Naysaburi, Abi 'Abdul Allah Al-Hakim. 1997. *Al-Mustadrak 'Ala Sahihayn*. Kaherah: Dar al-Haramayn li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Naysaburi, Abu al-Qasim al-Qusyairi. 1989. *Al-Risalah al-Qusyairiyyah*. Kaherah: Dar al-Sya'ab.
- Al-Qudah, Nuh 'Ali Salman. 1999. *Al-Mukhtasar al-Mufid fi Syarh Jawharah al-Tawhid*. Amman: Dar al-Razi.
- Al-Razi, Fakhruddin. 1990. *Tafsir al-Kabir Aw Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar Kutub Ilmiyah.
- Al-Siyalkuti, Muhammad Basyir. 1999. *Al-Imam al-Mujadid wa al-Muhaddith al-Shah Wali Allah al-Dihlawi*. Beirut: Dar Ibn Hizm.
- Al-Suyuti, 'Abdul Rahman. 2003. *Al-Dar al-Manthur fi Tafsir al-Ma'thur*. Kaherah: Markaz Hadrat li al-Buhuth wa al-Dirasat al-'Arabiyyah wa al-Islamiyyah.
- Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. 2004. *Mukjizat al-Quran*. Terj. Syed Ahmad Semait. Cet. 3. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Tha'alabi, 'Abdul Rahman b. Muhammad. 1999. *Tafsir Al-Tha'alabi*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Baljon, J.M.S. 1970. *Prophecyology of Shah Wali Allah*. Islamabad: Islamic Studies.
- Burhan Furi, 'Ala' al-Din 'Ali. 1981. *Kanz al-'Ummal Fi Sunan al-Aqwal wa al-Af'al*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Halepota, A. J. t.t. *Philosophy Of Shah Waliullah al-Dihlawi*. Lahore: Oxford Advanced Learner Dictionary.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, 'Ali al-Hamid al-Muhammad al-'Ali. 1999. *Al-Daw' al-Munir 'Ala al-Tafsir*. Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- Ibn Faris, Abi al-Husain Ahmad. 1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.

- Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il. 1997. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Jil. 1&5. Kaherah: Hajar li Taba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi' wa al-A'alan.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il. 2004. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad. 2003. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Beirut li al-Tiba'ah.
- Jalbani, G. N. 1973. *Teachings of Shah Waliullah of Delhi*. Lahore: Muhammad Ashraf.
- Jalbani, G. N. 1980. *Sufism and The Islamic Tradition: The Lamahat and Sata'at of Shah Waliullah*. London: T.p.
- Jalbani, G. N. 1993. *Life of Syah Waliullah*. Lahore: SH. Muhammad Ashraf.
- Khudri, Muhammad. 1990. *Nur al-Yaqin*. Damsyiq: Maktabah al-Ghazali.
- Mahmud, Abdul Halim. 2000. *Al-Islam wa al-'Aql*. Terj. Mohd Fakhrudin Abd Mukti. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mubarafuri, Muhammad 'Abd al-Rahman. 1967. *Tuhfah al-Ahwazi*. Beirut: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nasy wa al-Tawzi'.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan. 1977. *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900-1940*. Kelantan: Pakatan Keluarga Tuan Tabal.
- Nik Muhammad Salleh. t.t. *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Bil. 19 edisi Jawi Kota Bharu: T.p.
- Osman Bakar. 1997. *Classification of Knowledge of Islam*. Terj. Purwanto. Bandung: Penerbit Mizan.
- Sharif, M.M. 1996. *Para Filosof Muslim*. Bandung: Penerbit Mizan.

## Jurnal

- Chittick, W.C. 1996. *Ibn 'Arabi*. History of Islamic Philosophy. Vol. 2. London: T.p.
- Farooqi, Jamil. 2003. *Socio-Political Thought of Shah Wali Allah*. Seminar Satu Hari Shah Wali Allah Al-Dihlawi (1703-1762). 25 Februari 2003.

## Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.